



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

## **SIARAN MEDIA**

### **KERJASAMA MEDAC-KPWKM DALAM PEMERKASAAN SOSIO- EKONOMI GOLONGAN WANITA, B40 DAN OKU MELALUI PLATFORM FRANCISE DAN KOPERASI**

PUTRAJAYA, 7 Januari 2021 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menjalinkan kerjasama strategik bagi memperkasa sosio-ekonomi golongan wanita, warga emas, B40 dan OKU melalui bidang keusahawanan.

Inisiatif ini sebegini amat diperlukan kerana golongan ini merupakan golongan yang paling terkesan akibat daripada pandemik Covid 19 dan tidak mempunyai sumber pendapatan atau simpanan yang besar bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Sehubungan itu, MEDAC kini dalam usaha memastikan platform francais dan koperasi sebagai digunakan secara optimum bagi membantu usahawan dari golongan sasaran ini. Platform ini berupaya menyediakan pakej fasilitasi keusahawanan secara menyeluruh merangkumi aspek penjenamaan, pemasaran serta pembiayaan produk dan perkhidmatan usahawan.

Tambahan pula, platform koperasi dan francais ini dilihat berupaya menjadi platform yang efektif dan efisien dalam menyalurkan bantuan dan bimbingan kepada usahawan yang terlibat.

Selain membentuk sinergi keusahawanan yang lebih kukuh di antara kedua-dua Kementerian, kerjasama ini bertujuan memperkasakan penglibatan wanita dan kumpulan sasaran yang lain seperti golongan warga emas, B40 dan OKU dengan hasrat untuk

meningkatkan sosio-ekonomi kumpulan sasar ini melalui peluang meningkatkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup terutamanya mereka yang terjejas kesan daripada penularan wabak COVID-19.

Kerjasama ini telah dimulakan dengan satu penganjuran Sesi Dialog Keusahawanan Wanita pada September 2020 yang diketuai oleh YBTM MEDAC yang bertujuan untuk mendapatkan input dan maklumbalas berkenaan isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan wanita.

Susulan sesi dialog ini, MEDAC telah menubuhkan dua (2) jawatankuasa, iaitu, Jawatankuasa Teknikal Keusahawanan Wanita serta Jawatankuasa Induk Keusahawanan Wanita bagi memastikan isu-isu yang dibangkitkan dapat diperhalusi dan diambil tindakan sewajarnya.

Melalui kerjasama di antara MEDAC dan KPWKM, pelbagai inisiatif telah dirangka bagi meningkatkan penyertaan wanita terutamanya mereka yang terlibat dalam sektor informal. Inisiatif-inisiatif dirangka untuk memperkasakan penyertaan golongan wanita, warga emas, B40 dan OKU juga telah dicadangkan di antara kedua-dua Kementerian melalui **13 bidang kerjasama strategik** meliputi aspek latihan dan bimbingan, pembiayaan, akses pasaran dan perkongsian data, seperti berikut:

1. **Latihan dan bimbingan kepada peserta *2 Years Exit Programme (2YEP) 2.0*;**
2. **INSKEN *Business Coaching (IBC)* dalam bidang *Post-Natal Care*;**
3. **Latihan dan persijilan bertauliah dalam bidang *Elderly Care*;**
4. **Pemeriksaan Latihan dan Bimbingan dalam bidang *Child Care*;**
5. **Khidmat Nasihat mengenai program-program keusahawanan KPWKM;**
6. **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE);**
7. **Program pembangunan usahawan wanita dan pembiayaan perniagaan;**
8. **Program Francais MamaCare;**

9. Program *Successful Women Entrepreneur Engagement Talents (SWEET)*;
10. Menggalakkan Penubuhan Koperasi Wanita dan galakan penyertaan wanita dalam Koperasi;
11. Memperkasa ekosistem pemasaran sedia ada melalui Koperasi;
12. Padanan perniagaan (*business matching*) di antara usahawan wanita dan koperasi sedia ada; dan
13. Perkongsian data usahawan wanita, B40 dan OKU

Seterusnya, kesemua cadangan kerjasama strategik ini akan dimuktamadkan melalui satu Memorandum Persefahaman (MoU) oleh kedua-dua kementerian.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**